

# PPIB anjur ekspos keusahawanan di UMS-KAL

um mc 31 23/3/2011

LABUAN 22 Mac - Buat julung kali ini Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) akan menganjurkan ekspos keusahawanan di pekarangan Dewan Utama UMS-KAL mulai esok hingga Ahad ini.

Penyelaras program, C.K Chua berkata, ekspos empat hari itu bertujuan mendedahkan penuntut mengenai pengurusan perniagaan secara praktikal selain menyediakan landasan kepada

mahasiswa untuk mempersempit bahkan idea perniagaan masing-masing.

Katanya, ia juga akan membiasakan penuntut untuk berkomunikasi dengan masyarakat umum, membina keyakinan dan bersikap proaktif dalam mempersiapkan diri untuk menempuh dunia perniagaan sebenar.

"Program seumpama ini juga dapat mendedahkan aktiviti bermanfaat yang dianjurkan oleh penuntut UMS-KAL kepada orang ra-

mai. Ekspos ini bermula pukul 9 pagi hingga 10 malam," katanya di sini hari ini.

Menurut Chua, sebanyak 48 gerai akan menjual pelbagai jenis produk seperti makanan, minuman, barang perhiasan, permainan dan fotografi yang dikendalikan oleh penuntut tahun dua Fakulti Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) UMS-KAL.

Tambahnya, program tersebut turut dimeriahkan dengan ceramah motivasi dan seminar kerjaya.



C.K CHUA (depan empat dari kanan) bersama ahli jawatankuasa penganjur ekspos keusahawanan PPIB di Labuan, semalam.